

'Jangan terlalu gopoh hendak menentukan corak pemerintahan kerajaan'

Nasihat PM kepada pelajar

JM 2 JUL 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN, JOHARDY
IBRAHIM dan MOHD. RADZI ZIN

KUALA LUMPUR 1 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihati mahasiswa jangan terlalu gopoh hendak menentukan corak pemerintahan kerajaan dengan mengambil tindakan yang boleh memusnahkan negara yang bakal mereka warisi.

Sebaliknya kata Perdana Menteri, mereka patut menumpukan perhatian melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran secukupnya, supaya dapat memerintah negara dengan lebih baik apabila tiba masanya.

Menurut beliau, penyerahan kuasa daripada generasi tua kepada yang muda merupakan proses semula jadi yang tetap berlaku dan mahasiswa yang berada di barisan depan dalam kelompok generasi muda perlu bersabar.

● Lagi laporan dan gambar di muka 2,3 dan 8

"Masa mungkin ternampak panjang dan kita (mahasiswa) seolah-olah tidak boleh menunggu dan hendak membuat (perubahan) sekarang ini juga dan oleh itu terlalu gopoh mengambil tindakan yang merosakkan warisan negara.

"Kita mesti sabar dan menyediakan diri untuk mengambil alih daripada generasi yang usang ini. Apabila telah mengambil alih, bolehlah membetulkan apa yang mereka tidak puas hati," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan lebih 1,000 mahasiswa daripada 15 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) semasa menutup Simposium Penegeasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Auditorium Perdanasiswa, Universiti Malaya (UM) hari ini.

Baki 2,000 mahasiswa yang dijadual menghadiri upacara penutup simposium dua hari itu, terpaksa mengikutinya melalui siaran litar tertutup di bangunan bersebelahan kerana ruang auditorium yang terhad.

■ Lihat muka 4

Nasihat PM kepada pelajar

Ini ekoran, Dewan Tunku Canselor (DTC) yang dijadual menjadi premis upacara tersebut rosak teruk dalam kebakaran awal pagi kelmarin.

Pada hari kebakaran itu berlaku telah

tersebar risalah-risalah yang membantah kehadiran Perdana Menteri ke majlis itu. Mereka mengancam akan menganjurkan tunjuk perasaan di hadapan DTC hari ini.

Bagaimanapun majlis tersebut hari ini

berlaku dalam suasana meriah dengan ketibaan Dr. Mahathir disambut dengan mesra oleh para pelajar.

Mengulas mengenai budaya merusuh yang menular di kalangan mahasiswa, Per-

dana Menteri kesal kerana mereka seolah-olah telah hilang haluan dan tidak lagi memahami fungsi universiti sebagai gedung ilmu.

Justeru, Dr. Mahathir mahu mereka

Tanggungjawab

“Tak payah gopohlah, sebab masalah tidak akan hilang. Masa saudara memerintah nanti, masalah tetap akan ada, percayalah,” ujarnya.

Sebagai negara membangun, beliau berkata, segala usaha perlu dilakukan untuk memaju dan memperkayakan negara.

Baginya, usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan kalau negara berada dalam keadaan huru-hara.

Justeru Dr. Mahathir menggesa mahasiswa agar menumpukan perhatian melunaskan tanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara dengan memisahkan diri daripada kegiatan tidak baik seperti berdemonstrasi.

“Merusuh bukan cara kita hendak menyumbang kepada masyarakat, saya tidak kenal bangsa yang pandai merusuh dipandang tinggi oleh dunia,” katanya.

Perdana Menteri percaya untuk berdemonstrasi dan merusuh secara ganas bagi membantah sesuatu tidak memerlukan pelajaran di universiti kerana ia amat mudah.

“Orang bodoh pun boleh melakukannya. Kita datang ke universiti kerana potensi kita lebih tinggi daripada mereka yang mengganas di jalan-jalan,” katanya.

mengambil pengajaran daripada sejarah kejatuhan Jerman dan Jepun semasa Perang Dunia Kedua dan kebangkitan semula kedua-dua negara itu setelah dikalahkan oleh pihak perikatan.

Menurutnya, hasrat Adolf Hitler dan Jepun hendak mendirikan empayar dengan cara kekerasan menemui kegagalan.

Bagaimanapun, kata beliau, kedua-duanya berjaya memulihkan semula negara melalui pendekatan bijak dan tertib di bidang ekonomi sehingga terpaksa diiktiraf oleh dunia sebagai kuasa ekonomi.

“Lihatlah perbezaan cara-cara ganas dengan yang bijak dan tertib. Pengajarannya ialah apabila ingin mengubah atau menjayakan sesuatu, kita boleh pilih sama ada menggunakan cara yang bijak atau bodoh, tertib atau cara ganas,” katanya.

Kalau dikaji, Perdana Menteri percaya akan didapati cara yang ganas tidak membawa kebaikan bahkan hanya mendatangkan kemusnahan.

Dr. Mahathir mengakui wujud jarak pemikiran di antara generasi tua dan muda dalam apa jua bidang termasuk muzik dan agama apatah lagi komunikasi.

“Bagaimanapun, janganlah marahkan generasi tua kerana tidak melakukan sesuatu yang dirasakan perlu oleh generasi muda sehingga merosakkan segala-galanya,” kata beliau.

Perdana Menteri mengingatkan golongan mahasiswa bahawa sebagai negara membangun, Malaysia menghadapi banyak masalah dan ia belum pasti akan selesai apabila mereka memerintah kelak.